

ISNIN  
25 02  
2019



# BH DIDIK


bhdidik@bh.com.my

**#29 PERSONALITI**  
ledris Bazly ceburi tenis

**#30 BAHASA INGGERIS:**  
Reflexive pronouns

**#55 SAINS:**  
Sains hayat  
(mikroorganisma)

Layari [www.FullAMark.com.my](http://www.FullAMark.com.my) untuk melanggan dan mendapat lebih banyak soalan UPSR



“Membimbing Ke Arah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) khusus untuk calon UPSR”

## JADUAL HARIAN BANTU MURID

➔ Perlu bijak uruskan masa untuk lakukan pelbagai aktiviti

Oleh **Maria Uffa Zulkafeli**  
maria.uffa@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**B**agi memperoleh keputusan cemerlang terutamanya dalam akademik, seseorang murid itu harus bijak menguruskan masa hariannya untuk mengulang kaji pelajaran, di samping dapat melakukan pelbagai aktiviti kokurikulum dan riadah yang lain.

Jadual harian yang disusun dengan baik mampu mendisiplinkan diri seseorang murid, selain dapat membantu mereka menguruskan masa dengan bijak.

Oleh itu, masih belum terlewat sekiranya murid Tahun Enam yang bakal menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) pada bulan September nanti untuk menyediakan jadual waktu harian supaya setiap masa dapat dimanfaatkan dengan baik.

Lihat muka 028.

# Bijak urus masa jadikan murid lebih fokus

[ FOTO NSTP/ROHANIS SHUKRI ]



Puan Noor Hafidza Murad

## Dari D25

Masa adalah sesuatu yang sukar dikawal oleh manusia. Justeru, bagi memanfaatkan setiap waktu yang ada, murid digalakkan menyediakan jadual waktu harian masing-masing supaya kehidupan menjadi lebih teratur.

Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Kebangsaan (SK) Petaling 2, Puan Noor Hafidza Murad, berkata jadual waktu yang baik biasanya disusun mengikut kesesuaian diri individu itu sendiri.

Katanya, sebagai contoh murid Tahun Enam di sekolah itu memulakan waktu persekolahan seawal jam 7.40 pagi dan tamat kelas pada jam 1.30 petang, sebelum menyambung waktu kelas tambahan sehingga jam 3.30 petang.

"Biasanya waktu sekolah mereka akan mengikut jadual belajar di sekolah dan selepas waktu sekolah murid digalakkan membuat jadual sendiri untuk menguruskan waktu harian ketika berada di rumah.

"Disebabkan murid sekolah rendah masih tidak pandai untuk mengatur atau merangka jadual



Guru Sekolah Kebangsaan Petaling 2, Rozita Daud mengajar murid Tahun 6 dalam kelas tambahan untuk persiapan UPSR.

harian dengan baik, pihak sekolah terutamanya Unit Bimbingan dan Kaunseling sentiasa bersedia membantu mereka," katanya.

Puan Noor Hafidza berkata, pada kebiasaannya murid dinasihatkan membuat jadual harian ketika di rumah supaya setiap aktiviti yang dilakukan tidak menjejaskan masa mereka untuk mengulang kaji pelajaran.

## Aktiviti berfaedah

Katanya, selepas penat seharian di sekolah, pada waktu petang murid digalakkan mengisi jadual dengan aktiviti riadah yang boleh mengembalikan kesegaran kepada tubuh badan mereka.

Biasanya selepas solat Maghrib, baharu sesuai untuk mereka mengisi waktu untuk makan malam, seterusnya membuat kerja sekolah atau ulang kaji pelajaran

yang diajar di sekolah.

"Berbeza pula pada hari minggu, murid perlu memanfaatkan waktu seharian mereka lengkap dengan aktiviti riadah, makan, solat, rehat, ulang kaji dan membuat latihan tubi soalan-soalan peperiksaan tahun lalu dan perlu dipertingkatkan menjelang waktu peperiksaan," katanya.

Puan Noor Hafidza berkata, pengurusan jadual harian yang

baik dapat menjadikan seseorang murid itu lebih fokus terhadap pelajaran mereka walaupun ketika berada di rumah.

Katanya, di sekolah guru akan memantau waktu setiap murid, manakala di rumah ibu bapa pula perlu memainkan peranan sama supaya masa anak-anak mereka terisi dengan aktiviti berfaedah dan waktu belajar yang lebih sistematik.

## Pelbagai program akademik murid Tahun Enam

**Kuala Lumpur:** Pihak sekolah menyediakan pelbagai program akademik untuk murid Tahun Enam sebagai persiapan menghadapi UPSR nanti.

Guru Besar SK Petaling 2, Encik Razali Muda, berkata terdapat dua jenis program yang disediakan di sekolah iaitu program yang dijalankan secara berterusan dan program yang diadakan untuk musim tertentu terutama menjelang peperiksaan.

Beliau berkata, bagi program berterusan, sejak awal tahun lagi murid digalakkan belajar sendiri iaitu secara berkelompok bermula

jam 7 pagi hingga 7.30 pagi iaitu sebelum waktu persekolahan bermula.

"Tujuannya murid dapat berbincang dengan rakan sekelas mengenai tugas sekolah yang diberikan kepada mereka, selain membuat latihan latih tubi soalan-soalan tahun lepas dari negeri lain dan sebagainya.

"Selepas waktu sekolah pula mereka perlu menghadiri kelas tambahan yang diadakan selama dua jam setiap hari, dan empat jam pada hari Sabtu setiap minggu," katanya.

Encik Razali berkata, sekolah

turut menyediakan program mentor-mentee iaitu setiap murid akan diberikan guru angkat masing-masing yang boleh menjadi tempat rujukan murid berkenaan ketika berada di sekolah.

## Keputusan cemerlang

Katanya, selain itu sekolah juga ada menganjurkan bengkel teknik menjawab soalan UPSR, program motivasi dan perjumpaan dengan ibu bapa calon UPSR.

"Program ini pada kebiasaannya bertujuan memberi pendedahan kepada murid untuk mengetahui teknik menjawab soalan, selain

motivasi supaya mereka lebih bersedia untuk menghadapi peperiksaan.

"Kita juga turut memberi penekanan kepada murid-murid yang berpotensi dengan cara belajar secara berkelompok menerusi program Juara," katanya.

Encik Razali berharap dengan pengisian program sepanjang tahun dan menjelang peperiksaan itu sedikit sebanyak dapat membantu murid meningkatkan prestasi akademik sekali gus berjaya memperoleh keputusan cemerlang.



Sekolah juga ada menganjurkan bengkel teknik menjawab soalan UPSR, program motivasi dan perjumpaan dengan ibu bapa calon UPSR"

Encik Razali Muda, Guru Besar SK Petaling 2



Jedris Bazly tekun berlatih.

Oleh Maria Uffa Zulkafeli  
maria.uffa@bh.com.my

▀ Sungai Buloh

# Tenis jadi pilihan

menyertai pelbagai pertandingan, malah berjaya meraih beberapa kejayaan walaupun baharu dua tahun menceburi sukan itu.

Ikuti temu bual bersama anak kedua daripada tiga beradik itu minggu ini.

**S: Bagaimanakah anda mula menceburi sukan tenis?**

Ketika saya berusia enam tahun saya hanya bermain tenis dengan rakan-rakan di hadapan rumah. Dari situ, ibu mula membeli raket tenis untuk saya bermain sebagai aktiviti riadah. Selepas melihat komitmen dan semangat yang ditunjukkan ketika bermain tenis, ibu dan ayah menghantar saya ke kelas latihan tenis bagi mempelajari teknik dan ilmu tenis dengan lebih mendalam bersama jurulatih profesional.

**S: Siapakah yang mendorong anda untuk meneruskan minat dalam sukan ini?**

Ibu dan ayah adalah pendorong utama saya. Walaupun didedahkan dengan beberapa sukan lain, namun saya dilihat lebih cenderung kepada sukan tenis. Minat saya ini disuarakan ibu kepada pihak sekolah memandangkan sukan ini tidak ditawarkan dalam kokurikulum di sekolah saya. Walaupun begitu pihak sekolah menyambut baik minat saya, sekali gus membantu saya dalam mengembangkan sukan ini di sekolah. Pihak sekolah sangat mengambil berat dan sering bertanyakan perkembangan saya dalam sukan tenis, selain membantu kami sekeluarga dalam setiap urusan berkaitan tenis. Kini sekolah saya turut menubuhkan kelab tenis dan disertai oleh murid-murid lain atas usaha dan sokongan ibu bapa, ahli kelab, guru dan guru besar.

**S: Siapakah idola anda dalam sukan tenis dan kenapa?**

Idola saya ialah pemain tenis terkemuka dunia, Roger Federer kerana beliau seorang jaguh sukan tenis yang hebat dan amat terkenal pada peringkat antarabangsa.

**S: Pengalaman pahit dan manis sepanjang menceburi sukan tenis**

Mengalami kecederaan adalah pengalaman pahit yang tidak dapat dielakkan. Kadangkala saya kerap mengalami kecederaan di kaki dan menyukarkan pergerakan harian dan latihan tenis. Kebiasaannya ibu akan menghantar saya untuk menerima rawatan, termasuk mendapatkan khidmat urutan tradisional. Bagi kenangan manis pula, apabila saya berpeluang berlatih bersama-sama rakan-rakan di kelab tenis dan menyertai pertandingan besar. Apabila saya memenangi sesuatu pertandingan, pihak sekolah turut meraikan saya di perhimpunan sekolah.

**S: Bagaimana anda membahagikan masa antara tenis dengan pelajaran?**

Ibu sering mengingatkan kami sekiranya bijak dalam akademik tetapi tidak aktif dalam kokurikulum tidak menjamin masa depan yang sempurna. Disebabkan itu ibu mahu saya seimbangkan antara akademik dan sukan dengan sebaik mungkin. Biasanya saya akan belajar di rumah dengan ibu dan sekiranya terdapat latihan pada waktu sekolah saya akan membuat ulang kaji mata pelajaran yang tertinggal di sekolah. Saya bertuah kerana ibu dan pihak sekolah banyak membantu saya.

**S: Harapan anda dalam sukan ini pada masa hadapan?**

Sukan tenis perlu diperluas di Malaysia, terutama kepada murid di sekolah rendah. Pada masa sama, saya berharap akan ada lebih banyak kemudahan gelanggang tenis disediakan kerana ketiadaan tempat latihan menyukarkan seseorang atlet untuk berlatih dan mengasah bakat serta kemahiran masing-masing. Saya juga mengharapkan lebih ramai yang menyertai sukan ini kerana sukan ini bagus untuk meningkatkan stamina seseorang.

profil.

**Jedris Bazly Mohamad Zaidi**

**Tempat lahir:** Hospital Sungai Buloh  
**Tarikh lahir:** 26 Januari 1911  
**Hobi:** Bermain tenis dan menonton televisyen  
**Cita-cita:** Polis dan tentera  
**Kedudukan dalam keluarga:** Anak kedua daripada tiga beradik

**Pencapaian:**

- Naib Johan Mini Tenis Majlis Sukan Sekolah-sekolah Daerah (MSSD) Kuala Selangor 2019 (kategori lelaki)
- Tempat ketiga Tennis Malaysia Junior Tour 2019 Leg 2 Negeri Sembilan
- Tempat ketiga Monthly Medal Selangor Tennis Association Leg 2 February 2019
- Menyertai kejohanan tenis MSSD Kuala Selangor pada 2018
- Menyertai kejohanan tenis MSSD Kuala Selangor pada 2019
- Menyertai Tennis Malaysia Junior Tour 2018 Leg 1 Kuala Lumpur
- Menyertai Tennis Malaysia Junior Tour 2019 Leg 1 Kuala Lumpur
- Menyertai Tennis Malaysia Junior Tour 2019 Leg 2 Negeri Sembilan
- Menyertai Monthly Medal Selangor Tennis Association Leg 2 February 2019

➔ Berjaya meraih kejayaan walaupun baharu dua tahun menceburi sukan itu

**W**alaupun didedahkan kepada pelbagai jenis sukan sejak kecil, namun akhirnya personaliti *BH Didik* minggu ini memilih sukan tenis untuk terus diceburi sehingga kini.

Jedris Bazly Mohamad Zaidi, 8, mula meminati sukan tenis ketika berusia enam tahun, yang pada mulanya hanya bermain tenis di hadapan rumah bersama-sama rakan-rakannya.

Kini, murid Tahun Dua Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Pristana, itu semakin aktif

redaksi

PENGARANG KUMPULAN BH  
Khaidir A Majid

PENGARANG EKSEKUTIF KANAN  
Saidon Idris

PENGARANG KAHONGGAM BH  
VERTIKAL PENDIDIKAN  
Ridwan Yop

PENOLONG PENGARANG BERITA PENDIDIKAN  
Mohd Zin Mohd Ali

KOORDINATOR  
Basir Zahrom

PENYUNTING  
Rusnita Pechok  
Ili Ruzana Razali  
Aldhal Ab Rahman  
Ammelia Asyiqin Dolbaharin

WARTAWAN  
Maria Uffa Zulkafeli

ARTIS EKSEKUTIF  
Zalnon Kadim  
Muhammad Adam Bidin

ILUSTRATOR  
Khairul Anuar Md Nor (Yon)  
Muhammad Hazam Nazri

PENKIRILAN  
TEL: 1 300 22 6787

BERITA HARIAN /  
VERTIKAL PENDIDIKAN  
TEL: 1 300 22 6787

LANGGANAN  
JABATAN PENGEDARAN DAN  
JUALAN, AKHBAR NSTP  
31, JALAN RIONG,  
59100 KUALA LUMPUR  
TEL: 1 300 22 6787  
E-mel: educationNSD@  
mediaprima.com.my

E-mel: [edukasi@bh.com.my](mailto:edukasi@bh.com.my)  
[bhdidik@bh.com.my](mailto:bhdidik@bh.com.my)  
atau

Kalau Berita,  
31, Jalan Riong,  
59100, Kuala Lumpur

[www.bhpendidikan.com.my](http://www.bhpendidikan.com.my)

[bhpendidikan](https://www.facebook.com/bhpendidikan)

[bhpendidikan](https://www.instagram.com/bhpendidikan)

REFLEXIVE PRONOUNS

Reflexive Pronouns

The reflexive pronouns are:

Singular	myself, yourself, herself, himself, itself
Plural	ourselves, yourselves, themselves

We use reflexive pronoun:

★ as a **direct object** when the object is the same as the subject of the verb.

Example:

subject		object	
He	is teaching	himself	to play the guitar

subject		object	
Sharmila	bought	herself	a new dress.

We can use reflexive pronoun as direct object with most transitive verbs.

amuse	introduce	dry	enjoy	help
hurt	prepare	satisfy	teach	blame

- I am preparing **myself** for the exam.
- She blamed **herself** for the accident.

★ with **preposition by** when we want to show that someone did something alone.

- He walked home **by himself**.
- The children got dressed **by themselves**.
- I set up the tent **by myself**.

★ to **emphasise the person or thing** we are referring to:

- Semporna **itself** is a small town.

Exercise 1

Fill in the blanks with the suitable reflexive pronouns.

- She baked the chocolate cake by \_\_\_\_\_.
- My best friend, John keeps \_\_\_\_\_ fit to join the scuba diving trip.
- Stephanie wrote the lyrics of the song all by \_\_\_\_\_.
- Encik Muhammad who is a lecturer, introduced \_\_\_\_\_ to the students.
- The boys enjoyed \_\_\_\_\_ very much doing the activities on the beach.
- We really enjoyed \_\_\_\_\_ at the New Year party.
- The giraffe protected \_\_\_\_\_ from the lion's attack by kicking it.
- She did the research of the underwater creatures all by \_\_\_\_\_.
- The Bajau man dived into the sea by \_\_\_\_\_.
- My mother bought \_\_\_\_\_ a gold bracelet last week.

Exercise 2

Complete the text with the correct reflexive pronouns.



Ravi likes swimming very much. He wants to be a champion in the swimming competition. Therefore, he has to keep (1) \_\_\_\_\_ fit and healthy. His mother really takes care of his diet and prepares his daily meals (2) \_\_\_\_\_. Every Sunday evening, Ravi and his siblings enjoy (3) \_\_\_\_\_ swimming in the swimming pool. They discipline (4) \_\_\_\_\_ at the swimming pool by following the rules there. They wear swimming attires and goggles when they swim. Their mother also like to join them because she wants to improve (5) \_\_\_\_\_ in swimming.

Exercise 3

Questions 12 to 15 (Text Completion with Picture)  
Based on the picture, choose the **best** answer to fill in the blanks in the passage that follows.



Last Sunday, there were many children with their parents at HapiPa's Store. Everybody (12) \_\_\_\_\_ there to buy school uniforms and other types of school attire for their children. A few customers (13) \_\_\_\_\_ at the counter to pay for their things. The fat boy was (14) \_\_\_\_\_ the shirt although it was not his size while the small girl was (15) \_\_\_\_\_ behind the hanging shirts. Everybody was busy shopping for their children as the school will open soon.

- 12 A goes  
B go  
C went  
D is going

- 13 A are queueing  
B were queueing  
C queue  
D queues

- 14 A try  
B trying  
C tried  
D tries

- 15 A hid  
B hiding  
C hides  
D hidden

Exercise 4

Question 23

Read the dialogue carefully and answer the questions that follow.

- Rosli : Do you have an extended family, Hana? An extended family includes parents, children, grandparents, uncles, aunts, nephews and nieces.  
Hana : Yes, I do.  
Rosli : Oh, really! Where do they live?  
Hana : Well, they are far away from us. My Uncle Lan, who is my father's brother lives in Singapore. Uncle Lan has three daughters. Aunt Timah who is my father's sister lives in Johor. She has two daughters and a son.  
Rosli : That's great. Have you visited them?  
Hana : Well, we have annual reunion either in Singapore or Malaysia at least once a year. Even though both Uncle Lan and his wife are engineers, they still have time to meet up. We really have a great time by having a picnic together. Koh Lipe brought sweet memories to us in 2015. It was really amazing when my parents joined us for snorkeling, boating and jungle trekking.  
Rosli : I wish I will have a good time with my extended family in future.

Tick (✓) the correct answer.

- (a) Aunt Timah has \_\_\_\_\_  
 a son  
 two daughters  
 two daughters and a son  
 [1 mark]

- (b) Uncle Lan lives in \_\_\_\_\_  
 Koh Lipe  
 Singapore  
 Johor  
 [1 mark]

(c) Match the phrases in List A to the suitable phrases in List B. An example is given below.

List A	List B
Hana's family will reunite with her extended families	three daughters.
Hana had the best experience	at least once a year.
Uncle Lan has	when she visited Koh Lipe with both families.
In Koh Lipe, Hana and her cousins	did snorkeling, jungle trekking and boating.

[2 marks]

Write your answer in the space provided.

- (d) Do you think that Hana is very close with her extended families? Why?  
 \_\_\_\_\_  
 [2 marks]

- (e) Is it possible that Hana's family and her extended families visit each other four times a year? Give reason.  
 \_\_\_\_\_  
 [2 marks]

### SECTION B

#### ➔ Exercise 1

Study the poster below. Answer the questions that follow in the space provided.



B (i) List out **three** ways to prevent from being bullied.

- (a) \_\_\_\_\_
- (b) \_\_\_\_\_
- (c) \_\_\_\_\_

B (ii) Write an email to your cousin who is a bully victim. Share with him the tips to prevent from being bullied based on the poster given. Write your answer between **50 and 80** words.

From:	Date:
To:	Time:
Subject:	

#### ➔ Exercise 2

Study the picture below. Answer the questions that follow in the space provided.



B (i) List ways to prevent injuries when taking part in this extreme sport.

- (a) \_\_\_\_\_
- (b) \_\_\_\_\_
- (c) \_\_\_\_\_

B (ii) Your cousin will take part in a roller skating competition. Write a letter telling him about your experience in the sports. Write your answer between **50 and 80** words.

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

# KATA SERU, KATA TANYA DAN SURAT TIDAK RASMI

## TATABAHASA – KATA SERU, KATA TANYA

### Kata Seru

- Aduh**  
Pergunaan: menyatakan rasa sakit  
Ayat contoh: **Aduh**, sakitnya kepalaku!
- Aduhai**  
Pergunaan: menyatakan rintihan / simpati  
Ayat contoh: **Aduhai**, malangnya nasibku!
- Amboi**  
Pergunaan: menyatakan rasa kagum / hairan  
Ayat contoh: **Amboi**, cantik lukisan kamu!
- Cis**  
Pergunaan: menyatakan rasa marah  
Ayat contoh: **Cis**, pergi kau dari sini!
- Eh**  
Pergunaan: menyatakan rasa hairan / terkejut  
Ayat contoh: **Eh**, kamu pun ada di sini!
- Oh**  
Pergunaan: menyatakan rasa hairan / terkejut  
Ayat contoh: **Oh**, kamu yang mengambil buku saya!
- Nah**  
Pergunaan: untuk menarik perhatian  
Ayat contoh: **Nah**, ini baki wang kamu!
- Wahai**  
Pergunaan: menyatakan sedih dan menarik perhatian  
Ayat contoh: **Wahai** anak-anakku, janganlah malas belajar!
- Ah**  
Pergunaan: menyatakan rasa tidak bersetuju  
Ayat contoh: **Ah**, aku tidak bersetuju cadangan kamu!
- Hai**  
Pergunaan: untuk menyapa seseorang  
Ayat contoh: **Hai**, boleh kita berkenalan!

### Kata Tanya

- Apa**  
Pergunaan: untuk menanyakan haiwan / benda  
Kamu makan **apa**?  
Ayat contoh: **Apakah** kamu makan?
- Siapa**  
Pergunaan: untuk menanyakan orang  
Lelaki itu **siapa**?  
Ayat contoh: **Siapakah** lelaki itu?
- Bila**  
Pergunaan: untuk menanyakan masa  
Abang pergi ke pasar **bila**?  
Ayat contoh: **Bilakah** abang pergi ke pasar?
- Mana**  
Pergunaan: untuk menanyakan tempat  
Dia berasal dari **mana**?  
Ayat contoh: Dari **manakah** dia berasal?
- Berapa**  
Pergunaan: untuk menanyakan bilangan  
Harga sebungkus nasi lemak **berapa**?  
Ayat contoh: **Berapakah** harga sebungkus nasi lemak?
- Mengapa**  
Pergunaan: untuk menanyakan sebab  
Budak itu menangis **mengapa**?  
Ayat contoh: **Mengapakah** budak itu menangis?
- Bagaimana**  
Pergunaan: untuk menanyakan cara  
Cara menyelesaikan masalah ini **bagaimana**?  
Ayat contoh: **Bagaimanakah** cara menyelesaikan masalah ini?

## Latihan 1

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

siapa	wahai	mana	ah	cis	bagaimana
nah	bila	wah	berapa	mengapa	eh

- \_\_\_\_\_ anak-anak, janganlah bersikap sombong dengan ibu bapa kamu!
- \_\_\_\_\_, cantiknya pemandangan dari puncak Bukit Melawati!
- \_\_\_\_\_, pergi kau dari sini!
- \_\_\_\_\_, ambillah pensel kamu ini!
- \_\_\_\_\_, itu buku saya yang hilang semalam!
- \_\_\_\_\_, aku tidak mahu percaya akan kata-katamu itu!
- Adik termenung di tangga itu \_\_\_\_\_?
- \_\_\_\_\_ kah yang tidak mahu membeli buku-buku cerita ini?
- \_\_\_\_\_ kah keadaan nenek kamu yang terlantar di hospital?
- Rombongan pihak lelaki dijangka tiba \_\_\_\_\_?
- \_\_\_\_\_ hariakah Moses akan menjalani kursus itu?
- Di \_\_\_\_\_ kah saya boleh membeli kek batik yang sedap ini?

## Latihan 2

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- \_\_\_\_\_ kah keadaan mangsa-mangsa tsunami itu?  
A Siapa                      C Apa  
B Bagaimana                D Bila
- \_\_\_\_\_ kah jumlah kutipan derma untuk anak-anak yatim itu?  
A Mana                      C Berapa  
B Siapa                        D Apa
- \_\_\_\_\_ kah orang ramai berkerumun di simpang jalan itu?  
A Mengapa                    C Apa  
B Siapa                        D Bagaimana
- Kamu hendak membayar yuran kelab komputer itu \_\_\_\_\_?  
A apa                          C mengapa  
B siapa                         D bila
- Jadual waktu untuk kelas tambahan itu siap \_\_\_\_\_?  
A bila                         C siapa  
B apa                          D bagaimana
- Abang akan menyambung pelajaran dalam bidang \_\_\_\_\_?  
A siapa                         C mana  
B apa                          D bila
- \_\_\_\_\_ murid-murid, kamu tidak boleh membuang masa begitu sahaja!  
A Wahai                        C Nah  
B Eh                              D Oh
- \_\_\_\_\_, malangnya kanak-kanak miskin dan yatim piatu itu!  
A Oh                             C Aduh  
B Ah                             D Aduhai
- \_\_\_\_\_, aku tidak mahu berjumpa dengan kamu lagi!  
A Wah                          C Hai  
B Cis                             D Adyhai

## PEMAHAMAN – SURAT TIDAK RASMI

### Latihan 3

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Jacob Mohamad,  
18, Jalan Saling 4,  
Taman Bertam,  
51100 Kuala Lumpur

2 Februari 2019

Menemui sahabatku, Amin, yang berada di Brunei semoga sihat sejahtera hendaknya.

Saudara,  
Apa khabar saudara dan keluarga di sana? Saya berdoa agar saudara dan keluarga sihat walafiat hendaknya.

Tujuan saya menulis surat adalah untuk bercerita tentang rumah tradisional datuk saya. Kampung datuk saya terletak di Banting, Selangor. Suasana di kampung sungguh tenang dan nyaman udaranya.

Rumah datuk saya merupakan rumah tradisional negeri Selangor. Rumah ini rumah kayu yang tidak menggunakan paku. Menurut datuk, rumah ini merupakan rumah *pusaka* daripada nenek moyang datuk. Rumah ini telah berusia melebihi satu abad. Saya berasa kagum apabila mendengar cerita datuk.

Rumah datuk mempunyai bumbung yang tinggi supaya udara dapat keluar masuk melalui ruang antara kekuda dan bumbung. Selain itu, tingkap rumah datuk pula menggunakan kekisi. Oleh itu, rumah datuk sentiasa sejuk dan kami berasa selesa tinggal di sana.

Rumah datuk mempunyai banyak tingkap. Pada waktu siang, rumah datuk tidak menggunakan lampu. Cahaya dapat masuk ke dalam rumah datuk kerana semua tingkap akan dibuka pada waktu siang.

Rumah datuk saya dikelilingi pokok bunga dan pokok buah-buahan. Pokok-pokok buah-buahan itu rendah manakala pokok-pokok bunga amat lebat berbunga pada sepanjang masa. Oleh itu, kawasan rumah datuk saya redup, nyaman dan agak sejuk. Datuk telah membina pangkin di bawah pokok mangga tempat kami berehat.

Sekianlah dahulu untuk kali ini. Sambutlah salam mesra daripada saya dan keluarga.  
Sekian, terima kasih.

Yang benar,  
Jacob  
(Jacob)

- Mengapakah persekitaran rumah datuk sentiasa redup dan nyaman?  
A Dikelilingi pokok buah-buahan dan pokok bunga  
B Dikelilingi pokok buah-buahan  
C Dikelilingi pokok sayur-sayuran  
D Dikelilingi pokok-pokok yang tinggi
- Apakah tujuan Jacob mengutus surat kepada Amin?  
A Ingin bercerita tentang datuknya  
B Ingin bercerita tentang pokok-pokok bunga  
C Ingin mengajak Amin ke rumah datuknya  
D Ingin bercerita tentang rumah datuknya
- Pilih pernyataan yang benar tentang petikan.  
A Rumah datuk Jacob ialah rumah batu.  
B Rumah datuk Jacob terletak di kampung.  
C Datuk Jacob tinggal dengannya di kampung.  
D Jacob sering membantu datuknya mengemas rumah.
- Di manakah pangkin dibuat?  
A Di tepi pokok bunga      C Di bawah pokok mangga  
B Di tepi pokok mangga     D Di bawah rumah datuk
- Perkataan *pusaka* dalam petikan bermaksud \_\_\_\_\_  
A warisan                      C adat  
B harta                          D benda
- Berapakah usia rumah datuk Jacob?

[1 markah]

KATA ADJEKTIF DAN UCAPAN

SISTEM BAHASA – KATA ADJEKTIF

Kata adjektif digunakan untuk menerangkan tentang sifat atau keadaan sesuatu kata nama atau frasa nama seperti benda, orang, tempat, binatang, dan sebagainya.

Kata adjektif boleh disertai kata penguat seperti amat, paling, agak, kurang terlalu, lebih dan sangat.

**1. Kata adjektif sifat atau keadaan**  
 Memberi pengertian sifat atau keadaan kepada kata nama atau frasa nama.  
 Contoh: hitam, berani, pandai, lemah, cergas, takut, buruk, sihat, fasih  
 Ayat contoh: Ah Chong sangat **fasih** berbahasa Melayu.

**2. Kata adjektif warna**  
 Perkataan yang membawa pengertian warna sebagai unsur keterangan.  
 Contoh: hijau, kuning, merah, putih, hitam, perang, kelabu  
 Ayat contoh: Baju **putih** itu mudah kotor.

**3. Kata adjektif ukuran**  
 Perkataan yang membawa pengertian ukuran sebagai unsur keterangan.  
 Contoh: tinggi, rendah, besar, kecil, nipis, tebal, panjang, pendek, luas, sempit  
 Ayat contoh: Galah yang **panjang** digunakan untuk mengait buah kelapa.

**4. Kata adjektif bentuk**  
 Perkataan yang membawa pengertian rupa bentuk sebagai unsur keterangan.  
 Contoh: bulat, lonjong, pipih, bengkok, bundar, segi empat, kon, lurus  
 Ayat contoh: Tiang itu **bengkok** kerana dilanggar oleh sebuah kereta.

**5. Kata adjektif waktu**  
 Perkataan yang membawa pengertian masa / waktu sebagai unsur keterangan.  
 Contoh: cepat, lewat, suntuk, lampau, lama, segera, lambat, silam  
 Ayat contoh: Rumah **lama** itu telah dibaik pulih.

**6. Kata adjektif jarak**  
 Perkataan yang membawa pengertian ruang antara dua keadaan.  
 Contoh: dekat, jauh, hampir, rapat  
 Ayat contoh: Sudah **hampir** dua jam dia menunggu di situ.

**7. Kata adjektif cara**  
 Perkataan yang membawa pengertian keadaan kelakuan atau ragam.  
 Contoh: Cepat, lincih, deras, perlahan, jelas, gopoh, laju, sering, kerap, lebat  
 Ayat contoh: Hujan **lebat** dijangka turun pada lewat petang.

**8. Kata Adjektif Perasaan**  
 Terdiri daripada perkataan yang membawa pengertian perasaan dan diikuti oleh kata sendiri nama.  
 Contoh: takut, gembira, seram, hiba, sedih, bimbang, segan, ragu, cinta  
 Ayat contoh: Nenek amat **rendu** akan cucu-cucunya.

**9. Kata adjektif pancaindera**  
 Perkataan yang memberi pengertian konsep rasa, pandang, dengar, bau, sentuh atau gabungan kelima-lima indera.  
 Contoh: wangi, busuk, merdu, nyaring, lantang, dingin, masin, masam, pahit  
 Ayat contoh: Buah mangga muda itu rasanya **masam**.

➔ Latihan 1

Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Hujan yang \_\_\_\_\_ telah menyebabkan halaman rumah nenek digenangi air.  
 A kuat C renjai  
 B deras D rembas

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



2. Datuk sudah pun tua tetapi masih \_\_\_\_\_ mengayuh basikalnya.  
 A ganas C gagah  
 B geram D garang

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah.



3. Pertarungan antara dua orang pesilat itu sangat hebat, mereka sama \_\_\_\_\_.  
 A laju C deras  
 B cepat D tangkas
4. Penglihatan datuk semakin \_\_\_\_\_ kerana usianya telah lanjut.  
 A suram C kabur  
 B gelap D malap
5. Bunyi salakan anjing yang \_\_\_\_\_ itu memecahkan keheningan malam.  
 A keras C lantang  
 B tinggi D nyaring
6. Pakaian yang disidai itu masih \_\_\_\_\_ kerana matahari tidak muncul sejak semalam.  
 A lemai C lengun  
 B lumyai D lembap
7. Kulit tangan ibu terasa \_\_\_\_\_ kerana terlalu lama memegang cili ketika hendak membuat sambal itu.  
 A pijar C panas  
 B suam D hangat

➔ Latihan 2

Isikan tempat kosong dengan kata adjektif yang sesuai.

1. Suasana desa yang \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_ sungguh mendamaikan jiwa.
2. Warna yang terdapat pada bendera Malaysia ialah \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_.
3. "Jangan asyik mengharap yang \_\_\_\_\_ datang bergolek dan yang \_\_\_\_\_ datang melayang," kata nenek kepada kami.
4. Jarak yang \_\_\_\_\_ kini terasa \_\_\_\_\_ apabila lebuhraya itu siap dibina.
5. Idin seorang yang \_\_\_\_\_ belayar, tetapi kurang disenangi rakan-rakannya kerana dia seorang yang \_\_\_\_\_.

PEMAHAMAN – PETIKAN UCAPAN

➔ Latihan 3

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Yang dihormati, Tuan Pengerusi Majlis, Yang Berusaha, Tuan Guru Besar, guru-guru dan rakan-rakan sekalian. Salam sejahtera saya ucapkan.

Guru-guru dan rakan-rakan sekalian, Terma kasih saya ucapkan kerana telah diberi peluang untuk berucap dalam majlis ini. Saya mewakili murid-murid sekolah ini ingin mengucapkan selamat datang kepada Cikgu Zurina ke sekolah ini. Kami amat mengalu-alukan kehadiran cikgu ke sini.

Kami berasa sungguh gembira kerana cikgu sudi mengajar di sekolah kami. Walaupun sekolah ini agak jauh terpencil, namun warga sekolah serta penduduk di sini sentiasa bermuafakat untuk memajukan sekolah. Kami berharap cikgu akan dapat menyesuaikan diri dengan keadaan sekolah dan persekitarannya. Kami akan sentiasa memberikan kerjasama agar cikgu akan berasa seronok di sini walaupun suasananya mungkin jauh berbeza daripada tempat tinggal cikgu di kota.

Saya dan rakan-rakan di kelas Tahun Enam Bestari sangat gembira kerana cikgu telah dilantik menjadi guru kelas kami. Kami yakin cikgu akan membimbing kami untuk berjaya dengan cemerlang dalam UPSR nanti.

Sebagai penutup bicara, saya mewakili rakan-rakan dan seluruh warga sekolah ingin mengucapkan selamat bertugas kepada Cikgu Zurina.


Hendak menatang buah berangan,  
 Buat hidangan puteri ikayangan,  
 Selamat datang kami ucapkan,  
 Hezil tapak tangan, nyiru kami tadatikan.

Sekian, terima kasih.

1. Apakah jenis ucapan di atas?  
 A. Ucapan tahmiah  
 B. Ucapan perasmian  
 C. Ucapan perpisahan  
 D. Ucapan selamat datang
2. Siapakah yang menyampaikan ucapan tersebut?  
 A. Guru Besar  
 B. Ketua Murid  
 C. Pengerusi PIBG  
 D. Wakil guru dan kakitangan
3. Pernyataan berikut adalah benar tentang petikan di atas, kecuali  
 A. sekolah tersebut terletak jauh di pedalaman.  
 B. ibu bapa turut hadir dalam majlis tersebut.  
 C. Cikgu Zurina akan mengajarkan mata pelajaran UPSR.  
 D. Cikgu Zurina belum pernah mengajar di kawasan desa.
4. Pada pendapat anda, apakah sikap yang perlu ada dalam diri Cikgu Zurina?  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_ [3 markah]
5. Terangkan maksud rangkai kata kecil tapak tangan, nyiru kami tadatikan.  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_ [3 markah]

➔ Latihan 1

Gambar di bawah menunjukkan cara-cara mengatasi stres. Tulis ulasan kamu berdasarkan gambar dan maklumat yang diberikan dalam bentuk perenggan. Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara 40 hingga 70 patah perkataan.




---

---

---

---

---

---

---

---

➔ Latihan 2

Gambar rajah di bawah menunjukkan kebaikan aktiviti beriadah. Tulis ulasan berdasarkan gambar tersebut dalam bentuk perenggan. Panjang ulasan kamu hendaklah antara 40 hingga 70 patah perkataan.




---

---

---

---

---

---


---

---

➔ Latihan 3

Gambar di bawah menunjukkan cara-cara menjaga kebersihan diri. Tulis ulasan berdasarkan gambar tersebut dalam bentuk perenggan. Panjang ulasan kamu hendaklah antara 40 hingga 70 patah perkataan.

CARA-CARA MENJAGA KEBERSIHAN DIRI




---

---

---

---

---

---

---

---

➔ Latihan 4

Gambar di bawah menunjukkan cara-cara menjaga kebersihan rumah. Tulis ulasan kamu berdasarkan gambar tersebut dalam bentuk perenggan. Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara 40 hingga 70 patah perkataan.




---

---

---

---

---

---

---

---



# BAHAGIAN A DAN B

**Bahagian A**  
[10 markah]  
[Masa dicadangkan: 15 minit]

## LATIHAN 1

Gambar di bawah menunjukkan kesan pencemaran air yang berlaku di negara kita. Tulis **lima** ayat yang lengkap tentang kesan pencemaran tersebut. Tulis **satu** ayat bagi setiap gambar.



- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_

## LATIHAN 2

Gambar di bawah menunjukkan suasana semasa banjir yang berlaku di sebuah kampung. Tulis **lima** ayat yang lengkap tentang suasana banjir tersebut.



- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_

**Bahagian B**  
[15 markah]  
[Masa dicadangkan: 25 minit]

## LATIHAN 1


Poster di bawah memaparkan tentang kempen makan buah-buahan tempatan. Tulis ulasan tentang kelebihan makan buah-buahan tempatan dalam bentuk perenggan. Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.



- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_

## LATIHAN 2

Risalah memaparkan tentang bilangan pengunjung ke sebuah zoo dan maklumat tentang zoo. Tulis ulasan tentang bilangan pengunjung dan maklumat yang terdapat dalam risalah di bawah dalam bentuk perenggan. Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.



- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_


**Matematik (Kertas 1)**

**PERPULUHAN (ASAS)**

Pada minggu ini, murid-murid akan mempelajari dan menjawab soalan tajuk PERPULUHAN yang melibatkan empat operasi asas, operasi bergabung dan pembundaran nilai tempat dalam perpuluhan. Nota yang disediakan dalam ruangan ini juga diharap dapat membantu murid-murid untuk lebih memahami kaedah menjawab soalan-soalan tersebut. Selamat mencuba, semoga murid-murid berjaya menjawab dengan betul dan tepat setiap soalan yang disediakan.

**Nota Ringkas**

■ Nilai tempat dan nilai digit



■ Pembundaran nombor perpuluhan

Nombor perpuluhan hingga tiga tempat perpuluhan

Contoh:

- 1 tempat perpuluhan: 0.4
- 2 tempat perpuluhan: 0.63
- 3 tempat perpuluhan: 0.257

Soalan contoh:

$15.09 + 13 + 6.057 =$

- A 21.147
- B 21.277
- C 28.094
- D 34.147

Penyelesaian:

Puluh	Sa	Persepuluh	Perseratus	Perseribu
1	5	0	9	0
1	3	0	0	0
+	6	0	5	7
3	4	1	4	7

Jawapan: D

**Latihan**

- 1 Nilai tempat bagi digit 7 dalam nombor 23.07 ialah  
 The place value of digit 7 in the number 23.07 is  
 A perseribu thousandths  
 B perseratus hundredths  
 C persepuluh tenths  
 D seratus hundred
- 2 Rajah 1 menunjukkan sekeping kad nombor.  
 Diagram 1 shows a numbered card.

**5.648**

Rajah 1 / Diagram 1

Apakah nilai digit 8 pada kad itu?  
 What is the value of digit 8 on the number card?

- A 8
- B 0.8
- C 0.08
- D 0.008

- 3 Rajah 2 menunjukkan sekeping kad nombor.  
 Diagram 2 shows a numbered card.


**7.592**

Rajah 2 / Diagram 2

Apakah nilai digit 9 pada kad nombor itu?  
 What is the value of digit 9 on the numbered card?

- A  $\frac{9}{10}$
- B  $\frac{9}{100}$
- C  $\frac{9}{1000}$
- D  $\frac{9}{10000}$

- 4 Berikut merupakan pasangan penukaran nombor bercampur kepada nombor perpuluhan. Antara yang berikut, yang manakah padanan yang betul?  
 The following are the conversion pairings mixed number to decimal number. Which of the following pairings is correct?



- 5 Bundarkan 35.179 kepada perseratus yang terdekat.  
 Round off 35.179 to the nearest hundredth.  
 A 35.17  
 B 35.18  
 C 35.38  
 D 35.28

- 6 Rajah 3 menunjukkan empat keping kad nombor.  
 Diagram 3 shows four numbered cards.

**0.6      0.59      0.085      0.73**

Rajah 3 / Diagram 3

Susun empat nombor itu mengikut tertib menaik.  
 Arrange the four numbers in ascending order.

- A 0.59, 0.73, 0.6, 0.085
- B 0.73, 0.6, 0.59, 0.085
- C 0.085, 0.59, 0.6, 0.73
- D 0.085, 0.73, 0.6, 0.59

- 7  $6 - \frac{86}{100} - \frac{57}{1000} =$   
 A 5.083  
 B 5.680  
 C 6.573  
 D 7.438

- 8  $5.329 =$   
 A  $5 + \frac{3}{1000} + \frac{2}{100} + \frac{9}{10}$   
 B  $5 + \frac{3}{100} + \frac{2}{10} + \frac{9}{1000}$   
 C  $5 + \frac{3}{10} + \frac{2}{100} + \frac{9}{1000}$   
 D  $5 + \frac{3}{100} + \frac{2}{1000} + \frac{9}{10}$

- 9 Antara yang berikut, yang manakah betul?  
 Which of the following is correct?  
 A  $0.06 = 60\%$   
 B  $\frac{32}{100} = 32\%$   
 C  $0.65 = 6.5\%$   
 D  $0.2 = 2\%$

- 10 Rajah 4 menunjukkan sekeping kad nombor.  
 Diagram 4 shows a numbered card.

**8.053**

Rajah 4 / Diagram 4

Cari beza antara nilai digit 8 dengan nilai digit 5 pada kad nombor itu.  
 Find the difference between the value of digit 8 and the value of digit 5 on the numbered card.

- A 6.55
- B 6.83
- C 7.45
- D 7.95

- 11 Berapakah yang perlu ditambah kepada 12.49 supaya menjadi 20?  
 What must be added to 12.49 to get 20?  
 A 32.49  
 B 14.52  
 C 9.63  
 D 7.51

- 12  $4.52 + 6 + 3.9 =$   
 A 14.58  
 B 14.42  
 C 13.53  
 D 12.42

- 13  $104 + 24.36 + 7.84 =$   
 A 136.2  
 B 137.2  
 C 139.82  
 D 143.02

- 14 Cari jumlah hasil bagi  $\frac{24}{10}$ , 6.015 dan 15.4.  
 Find the total of  $\frac{24}{10}$ , 6.015 dan 15.4.  
 A 21.602  
 B 22.315  
 C 23.815  
 D 24.085

- 15  $40.6 - 14.65 - 2.806 =$   
 A 20.504  
 B 21.905  
 C 22.014  
 D 23.144

- 16  $20 - 7.65 - 8.25 =$   
 A 2.091  
 B 3.51  
 C 4.1  
 D 5.03

- 17  $\square - 43.52 - 15.436 = 29.658$   
 A 88.614  
 B 89.087  
 C 90.152  
 D 93.305

- 18  $8.4 - (4.2 + 2.93) =$   
 A 0.47  
 B 1.27  
 C 3.85  
 D 7.13

- 19  $7.03 + 15.652 - 4.97 =$   
 A 12.045  
 B 15.652  
 C 17.712  
 D 19.072

- 20  $6.431 - 1.58 + \square = 14.264$   
 A 4.703  
 B 6.013  
 C 8.503  
 D 9.413

- 21 Antara yang berikut, yang manakah betul?  
 Which of the following is true?  
 A  $2.109 \times 100 = 21.09$   
 B  $4.09 \times 100 = 40.9$   
 C  $17.6 \times 10 = 1.760$   
 D  $3.16 \times 10 = 31.6$

- 22 Darabkan 12.105 dengan 16 =  
 Multiply 12.105 with 16 =  
 A 213.58  
 B 193.68  
 C 183.55  
 D 156.68

- 23  $17 \times 2 \frac{6}{100} =$   
 A 35.02  
 B 34.102  
 C 41.5  
 D 44.2

- 24  $26.85 \div 6 =$   
 Bundarkan jawapan kepada dua tempat perpuluhan.  
 Round off the answer to two decimal places.  
 A 4.40  
 B 4.47  
 C 4.48  
 D 4.58

- 25  $28.875 \div 25 =$   
 A 1.236  
 B 1.159  
 C 1.155  
 D 1.143

- 26  $2.4 \times 0.12 \div 12$   
 A 24  
 B 2.4  
 C 0.24  
 D 0.024

# PERPULUHAN – OPERASI YANG EMPAT

Pada minggu ini, perbincangan bagi tajuk perpuluhan melibatkan nilai perpuluhan dengan operasi yang empat. Nilai perpuluhan sehingga tiga nilai tempat. Oleh itu, murid seharusnya memberikan tumpuan kepada nilai pecahan persepuluh, perseratus dan perseribu. Selain itu, penukaran bentuk pecahan atau nombor bercampur kepada nilai yang sama dengan perpuluhan.

Perpuluhan: Asas nilai nombor yang diwakili oleh pecahan per, 10, 100 dan 1 000

Contoh:  $\frac{79}{1\,000} = 0.079$

Nombor bercampur biasanya akan melibatkan nilai perpuluhan dengan nilai nombor bulat.

Contoh:  $2.57 = 2 + \frac{57}{100}$

Cerakinkan:  $2 + \frac{5}{10} + \frac{7}{100}$

- Soalan melibatkan;
- Nilai tempat dan nilai digit
  - Menukar nilai pecahan atau peratus kepada nilai perpuluhan
  - Pembundaran nilai tempat dalam perpuluhan
  - Operasi yang empat – melibatkan perpuluhan dan nombor bulat
  - Operasi bergabung – melibatkan nilai perpuluhan
  - Penyelesaian masalah

Menulis dalam perpuluhan melibatkan pecahan ( $\frac{1}{10}$ ,  $\frac{1}{100}$  dan  $\frac{1}{1\,000}$ ) atau peratus (100%)  
"gerakan titik perpuluhan dari kanan ke kiri, bergantung kepada bilangan 0 nya"

Soalan contoh:

- 1 Rajah 1 menunjukkan sekeping kad nombor perpuluhan. Diagram 1 shows a decimal numbered card.

10.398

Rajah 1 / Diagram 1

- (a) Nyatakan nilai digit yang mewakili nilai perseratus. State the digit values representing hundredth. [1 markah / mark]
- (b) Cerakinkan nilai nombor dalam nilai digit. Partition the number according to its digit values. [1 markah / mark]
- (c) Tulis nombor tersebut dalam perkataan. Write the number in word. [1 markah / mark]

Langkah menjawab:

- (a) **9 @ angka 9**
- (b) **10 + 0.3 + 0.09 + 0.008**
- (c) **Sepuluh perpuluhan tiga sembilan lapan**

## Latihan

- 1 Rajah 1 terdiri daripada tiga keping kad nombor. Diagram 1 shows three numbered cards.

P	Q	R
5.04	0.348	14.8

Rajah 1 / Diagram 1

- (a) Susun nilai nombor tersebut mengikut turutan menaik. Arrange the numbered cards in ascending order. [1 markah / mark]
- (b) Hitung jumlah dalam nilai perpuluhan bagi digit 4 pada setiap kad-kad nombor itu.

Calculate the sum of the decimal values for the digits 4 on each numbered cards. [2 markah / marks]

- (c) Hitung beza nilai antara nilai terbesar dengan nilai terkecil. Calculate the difference between the largest value and the smallest value. [2 markah / marks]

- 2 (a) Tulis 18.085 dalam perkataan. Write 18.085 in word. [1 markah / mark]

- (b) Tulis,  $23 \frac{73}{1\,000}$  dalam bentuk nilai perpuluhan. Write  $23 \frac{73}{1\,000}$  in decimal number. [1 markah / mark]

- (c) Hitung jumlah nilai pada 2(a) dan soalan 2(b). Calculate the total value in 2(a) and 2(b). [2 markah / marks]

- 3 Rajah 3 menunjukkan dua keping kad nombor perpuluhan, P dan Q. Diagram 3 shows two decimal numbered cards, P and Q.

3.706	7.36
P	Q

Rajah 3 / Diagram 3

- (a) Bundarkan nilai nombor terbesar, kepada persepuluh terdekat. Round off the value of the largest number, to the nearest tenth. [1 markah / mark]

- (b) Tulis nilai Q, dalam bentuk nombor bercampur. Write the value of Q, in mixed number. [1 markah / mark]

- (c) Hitung hasil darab nilai P dengan 5. Calculate the product of P by 5. [2 markah / marks]

- 4 Rajah 4 menunjukkan tiga keping kad nombor. Diagram 4 shows three numbered cards.

1.87	0.146	21.3
------	-------	------

Rajah 4 / Diagram 4

- (a) Susun nilai nombor tersebut mengikut turutan menurun. Arrange the numbers in descending order. [1 markah / mark]

- (b) Hitung jumlah ketiga-tiga nilai pada kad-kad tersebut. Calculate the sum of the three values on the cards. [1 markah / mark]

- (c) Berdasarkan jawapan di 4(b), cerakinkan dalam nilai digit. Based on the answer in 4(b), partition the number according to the digit values. [1 markah / mark]

- 5 Rajah 5 menunjukkan beberapa buah segi empat sama yang sama besar. Diagram 5 shows several squares of the same size.



Rajah 5 / Diagram 5

- (a) Nyatakan kawasan berlorek, dalam nilai perpuluhan. State the shaded area, in the decimal values. [2 markah / marks]

- (b) Berdasarkan jawapan di 5(a), hitung hasil darabnya dengan 4. Based on the answer in 5(a), calculate the product with 4. [2 markah / marks]

- 6 Rajah 6 menunjukkan satu soalan Matematik. Diagram 6 shows a mathematical question.

$$\frac{3}{5} + 6 = 5$$

Rajah 6 / Diagram 6

